

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 5 SEPTEMBER 2016 (ISNIN)

MYTRACE BANTU INDUSTRI DURIAN

MUSIM durian tahun ini mungkin telah sampai ke penghujungnya tetapi pastinya akan datang lagi.

Raja buah ini begitu popular sehinggakan dalam lambakan yang amat banyak, harga masih kekal bertahan satu ketika. Mungkin tidak bagi semua varieti ini tetapi jolokan Raja Buah benar-benar layak diterimanya.

Malaysia mungkin boleh berbangga kerana memiliki 'permata' ini kerana bukan sahaja memberi nilai dari sudut ekonomi tetapi juga sosial. Manakan tidak, penggemar durian merentas semua sempadan bangsa dan agama serta kelas sosial.

Yang mempunyai wang lebih boleh mendapat varieti yang lebih baik D24 dan Musang King. Durian kampung juga tidak kurang hebatnya kerana pengemarnya tetap ada.

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com



Malah jika tidak berlaku cuaca di luar kebiasaan, Malaysia tidak akan keputusan bekalan durian setiap tahun, sekurang-kurangnya daripada pengeluaran sendiri.

Sementara itu Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), **Datuk Ahmad Ishak** berkata, pengeluaran durian di Malaysia berjumlah 300,000 tan metrik setahuf dan 10 peratus daripadanya adalah durian premium seperti Musang King dan D24.

Durian bukan sahaja memberi impak dari aspek sosial tetapi ia menjadi satu komoditi eksport yang menguntungkan. Bukan rahsia lagi, aroma durian Malaysia telah sampai ke negara China sejak beberapa tahun lepas.

Durian menjadi duta kecil dan jurubicara diplomatik membawa nama Malaysia ke negara Tembok Besar itu.

Mudah kata, sebagai contoh jika ginseng membawa nama Korea, sakura membawa nama Jepun, durian sepatutnya membawa nama Malaysia ke merata dunia termasuk ke China yang dibawa masuk dalam bentuk sejuk beku.

Namun, di sebalik semua itu, apakah jaminan bahawa durian Malaysia yang ke pasaran luar negara, benar-benar datang dari negara ini? Isunya adalah bagaimana menentusahkan dan mengesan asal usulnya. Proses ini dikenali sebagai kebolehejakan (*traceability*).

Ada kebimbangan akan berlaku masalah penipuan dan bagaimana pengesanan ketulenan durian. Ini kerana bukan Malaysia sahaja yang menjadi penguat durian. Jika silap langkah, ada pihak yang



MADIUS TANGAU (kiri) menunjukkan kod bar MyTrace, sambil di perhatikan oleh Omar Kasih (tengah) dan Abdul wahab Abdullah di Kuala Lumpur baru-baru ini.

menanguk di air keruh bahawa durian yang berkualiti datang dari negara mereka, walhal mungkin adalah sebaliknya.

Malaysia perlu bertindak cepat bagi mendepani isu lembu punya susu, sapt dapat nama atau kemungkinan durian tidak berkualiti dikatakan datang dari Malaysia.

Seperti kata Presiden Sementara Persatuan Pengeksport Durian Malaysia

(MDEA), **Datuk Paul Mak**, pihaknya mula mengeksport isi durian sejuk beku Musang King ke China bermula sejak 2011 dengan anggaran antara 10 hingga 20 kontena sekali penghantaran bernilai RM30 juta.

"Pasaran durian di China agak besar (tetapi) kita hanya mampu membekalkan kurang satu peratus daripadanya," ujar beliau.